



22 SEP, 2023

Syarikat pengimport didenda

Harian Ekspres (KK), Malaysia

KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

Page 1 of 2

Kurma mengandungi najis, kepompong serangga

Syarikat pengimport didenda

Jo Ann Mool

KOTA KINABALU: Sebuah syarikat didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kerana mengimport kurma separa kering mengandungi frass serangga dan pupa jenis obctect dengan peratusan kerosakan sembilan peratus.

Syarikat Classic Sales Sdn Bhd melalui wakilnya mengaku bersalah di hadapan Majistret Wan Farrah Farriza Wan Ghazali atas pertuduhan mengimport makanan HB Kurma Separa Kering Gred A yang mengandungi jujuk kebetulan - frass serangga dan satu pupa jenis obctect dengan peratusan kerosakan sebanyak sembilan peratus.

Kesalahan itu berlaku di gudang syarikat itu di KKIP di sini pada 12.50 tengah hari 14 Feb tahun ini.

Syarikat itu telah melanggar Peraturan 37(3) Peraturan Makanan 1985 dan telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 397(1) Peraturan sama yang boleh dihukum di bawah Peraturan 397(2) Peraturan sama, yang memperuntukkan denda RM10,000 atau penjara sehingga dua bulan.

Pegawai Pendakwa Kesihatan Arnila Ahmad memberitahu mahkamah bahawa pegawai penguat kuasa dari Pejabat Kesihatan Pelabuhan Sepanggar pergi ke premis tersebut dan mengambil sampel makanan secara rawak serta membahagikannya kepada tiga bahagian, dengan setiap bahagian dengan berat tidak kurang daripada satu kilogram, dan menghantar sampel ke makmal Jabatan Kimia Malaysia, Johor Bahru.

Hasil analisis yang diterima pada 16 Mac menyatakan bahawa salah satu sampel didapati mengandungi jujuk kebetulan iaitu frass serangga dan satu pupa jenis obctect dengan peratusan kerosakan sebanyak sembilan peratus.

Peguam Debbie Lim yang mewakili syarikat itu memohon denda rendah.

Arnila antara lain berhujah bahawa syarikat itu mengimport satu lot kurma kering yang mengandungi bahan yang dikenali sebagai "konstituen kebetulan," iaitu frass serangga atau dalam bahasa mudah, najis serangga, dan pupa jenis obctect, sejenis kepompong.

Beliau berkata Peraturan-Peraturan Makanan 1985 diperkenalkan untuk melindungi kesejahteraan penduduk bagi memastikan makanan yang sampai ke meja adalah berkhasiat dan selamat untuk dimakan.

"Najis serangga ialah bahan buangan



serangga yang boleh membawa pelbagai bakteria, patogen dan bahan pencemar berbahaya.

"Mengambil makanan tercemar membawa risiko serius kepada kesihatan awam dan bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan," kata Arnila. Dia menambah bahawa kesihatan dan kesejahteraan rakyat bergantung kepada pematuhan ketat terhadap peraturan keselamatan makanan.

Kehadiran kepompong menunjukkan kelemahan dalam proses kawalan kualiti syarikat import.

Tiada usaha wajar dilakukan untuk memastikan produk tersebut memenuhi piawaian yang diperlukan sebelum diperkenalkan ke pasaran.

Tindakan syarikat itu menunjukkan sikap tidak menghiraukan keselamatan dan kesejahteraan awam. Kecuaian mereka telah membahayakan kesihatan rakyat, kata pihak pendakwa.

Syarikat membayar denda itu.



22 SEP, 2023

Syarikat pengimport didenda

Harian Ekspres (KK), Malaysia

KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kurma mengandungi najis, kepompong serangga

Jo Ann Mool KOTA KINABALU: Sebuah syarikat didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kerana mengimport kurma separa kering mengandungi frass serangga dan pupa jenis obtect dengan peratusan kerosakan sembilan peratus.